PP lwn. MOHAMMAD FIRDAUS HADIE & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ABDUL WAHAB MOHAMED PK
[SEMAKAN JENAYAH NO: 43-9-11-2015, 43-10-11-2015, 43-11-11-2015 & 43-12-11-2015]
14 JANUARI 2016

PROSEDUR JENAYAH: *Penangkapan – Perintah reman – Sama ada prosedur reman di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 sama dengan prosedur reman di bawah s. 117 Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada perkataan 'keterangan' menimbulkan keraguan terhadap permohonan reman – Sama ada Majistret mempunyai hak mempertimbangkan kewajaran alasan penahanan*

Pada 30 Oktober 2015, pegawai penyiasat membawa responden-responden di hadapan Majistret untuk ditahan reman di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('APJ') bagi tempoh 21 hari. Tujuan reman dipohon adalah bagi membolehkan pegawai penyiasat menjalankan siasatan untuk mendapatkan keterangan mengenai penglibatan responden-responden serta menentukan sama ada responden-responden boleh dikategorikan di bawah s. 12 APJ. Berdasarkan pernyataan bertulis, Majistret berpendapat bahawa alasan sebab tangkapan ke atas responden-responden tidak ada nexus atau kaitan dengan alasan-alasan di bawah s. 4(1)(a) APJ. Oleh itu, Majistret menolak permohonan reman ke atas responden-responden. Tidak berpuas hati, Pendakwa Raya memfailkan permohonan semakan jenayah bagi mengetepikan keputusan Majistret. Isu-isu yang dibangkitkan, antara lain, adalah (i) sama ada prosedur reman di bawah s. 4(1)(a) APJ sama dengan prosedur reman di bawah s. 117 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'); dan (ii) sama ada perkataan 'keterangan' menjejaskan permohonan reman.

Diputuskan (membenarkan permohonan):

(1) Peruntukan di bawah s. 4(1)(a) APJ berbeza dengan peruntukan di bawah s. 117(1) KTJ. Tindakan Majistret yang berpegang dan bersandar kepada s. 117 KTJ bercanggah dengan kehendak undang-undang s. 4(1)(a) APJ yang jelas menunjukkan Majistret tidak mempunyai hak dari segi undang-undang untuk mempertimbangkan sama ada terdapat kewajaran alasan penahanan dikemukakan. Seksyen 4(1)(a) APJ tidak menghendaki Majistret diterangkan sebab-sebab penangkapan dan tidak ada sebarang peruntukan yang membolehkan Majistret bertindak sedemikian. (perenggan 26, 30 & 32)

(2) Peruntukan s. 4(1)(a) APJ merupakan suatu yang 'plain and unambiguous' di mana tidak diperuntukkan bahawa alasan-alasan perlu dimasukkan dan dinyatakan dengan terperinci seperti yang difahami oleh Majistret. Memadai jika dinyatakan 'ada alasan-alasan bagi

A mempercayai bahawa nama orang itu patut dimasukkan ke dalam daftar'. Alasan penangkapan yang perlu diberitahu kepada suspek di bawah s. 4(3) APJ berbeza dengan permohonan reman yang mana permohonan reman ini tidak dikehendaki menyatakan alasan-alasan terperinci tetapi memadai dengan menyatakan 'ada alasan-alasan bagi
B mempercayai'. Seksyen 4(1)(a) APJ jelas tidak menghendaki alasan-alasan lengkap ataupun keterangan-keterangan dimasukkan ke dalam pernyataan bertulis. (perenggan 22, 24 & 37)

(3) Perkataan 'keterangan' yang terdapat dalam pernyataan bertulis tidak menjejaskan sesuatu permohonan reman selagi pernyataan bertulis
C tersebut mematuhi syarat-syarat nyata yang diperuntukkan dengan jelas di bawah s. 4(1)(a) APJ. Tindakan Majistret mempertikaikan perkataan 'keterangan' telah terkeluar dari skop tugas seorang Majistret kerana fungsi mahkamah hanyalah perlu meneliti perkataan yang digunakan dalam sesuatu Akta yang diluluskan oleh Parlimen. Penelitian terhadap
D pernyataan bertulis jelas menunjukkan kehendak peruntukan s. 4(1)(a) APJ dipatuhi. (Perenggan 18)

Kes-kes yang dirujuk:

Borhan Hj Daud & Ors v. Abd Malek Hussin [2010] 8 CLJ 656 CA ***(dirujuk)***

Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain [2015] 5 CLJ 223 HC ***(dirujuk)***
E

Kam Teck Soon v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors And Other Appeals [2003] 1 CLJ 225 FC ***(dirujuk)***

PP v. Chew Siew Luan [1982] CLJ 354; [1982] CLJ (Rep) 285 FC ***(dirujuk)***

Thein Hong Teck & Ors v. Mohd Afzan Husain & Another Appeal [2012] 1 CLJ 49 FC ***(dirujuk)***

F **Perundangan yang dirujuk:**

Criminal Procedure Code, ss. 28A, 117(1)

Prevention of Crime Act 1959, ss. 3(2), 4(1)(a), (3), 9(5), 12

Bagi pihak perayu - Razali Che Ani (Emma Syafawati Abd Wahab bersamanya); Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri, Pulau Pinang

G *Bagi pihak penentang - Sukhindarpal Singh; T/n S Singh & Co*

Dilaporkan oleh Siti Hazwani Hanim Ramli

PENGHAKIMAN

H **Abdul Wahab Mohamed PK:**

Pendahuluan

[1] Pemohon dalam semakan jenayah ini adalah Timbalan Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati dengan keputusan Majistret yang telah menolak
I permohonan reman di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ke atas tangkapan empat orang suspek. Tujuan reman dipohon di bawah s. 4(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ini adalah untuk perintah reman dikeluarkan oleh Majistret bagi tempoh 21 hari bagi membolehkan pegawai penyiasat

menjalankan siasatan untuk mendapatkan keterangan mengenai penglibatan responden-responden di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 serta bagi menentukan sama ada responden-responden boleh dikategorikan di bawah s. 12 Akta yang sama.

Latar Belakang Fakta Kes

[2] Pada 30 Oktober 2015 jam lebih kurang 9.30 pagi pegawai penyiasat iaitu Inspektor Polis Mohd Hafiz bin Mohd Noor telah membawa responden-responden di hadapan Majistret untuk ditahan reman di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 untuk mengenakan perintah reman bagi tempoh 21 hari ke atas responden-responden.

[3] Permohonan reman ke atas responden-responden ini dibuat di hadapan Majistret di mana ia juga dihadiri oleh Timbalan Pendakwa Raya agar reman selama 21 hari di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 diberikan untuk membolehkan satu penyiasatan dijalankan oleh pegawai penyiasat ke atas responden-responden.

[4] Semasa permohonan rayuan dijalankan oleh Majistret dan melihat penyataan bertulis yang mengandungi satu muka surat yang dibuat oleh Inspektor Mohd Hafiz bin Mohd Noor yang berbunyi seperti berikut:

> Setelah meneliti keterangan-keterangan yang terdapat di dalam kes bagi penama tersebut di atas, maka saya Inpektor Polis (Insp) G/17602 Mohd. Hafiz bin Mohd. Noor dengan ini menyatakan bahawa adanya alasan-alasan bagi mempercayai bahawa penama di atas melakukan kesalahan kategori yang boleh didaftarkan sepertimana dalam Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan patut dimasukkan ke dalam Daftar yang di simpan oleh Pendaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta ini.

[5] Setelah meneliti kandungan pernyataan bertulis, Majistret berpendapat bahawa alasan-alasan yang dipercayai itu tidak mempunyai nexus atau kaitan dengan mana-mana Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan berpandangan bahawa tanpa mengetahui sebab dalam tempoh penahanan dengan kegiatan jenayah maka reman tidak boleh dibenarkan atas alasan sebab tangkapan ke atas responden-responden tidak ada nexus ataupun kaitan dengan alasan-alasan di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[6] Ekoran daripada keputusan untuk tidak mengeluarkan perintah reman terhadap responden-responden oleh Majistret, pada 2 November 2015 Timbalan Pendakwa Raya telah memfailkan permohonan semakan jenayah bagi mengetepikan keputusan Majistret yang telah menolak permohonan reman ke atas responden-responden.

Isu

[7] Penyataan bertulis kenyataan polis di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (P4) yang dikemukakan semasa permohonan reman ke atas responden-responden adalah tidak mengikut peruntukan undang-undang dan ini membolehkan Majistret menolak permohonan reman yang dipohon oleh pemohon.

[8] Alasan-alasan yang diguna pakai oleh Majistret dalam menolak permohonan reman yang dibuat oleh pemohon ke atas responden-responden adalah seperti berikut:

(i) dalam pernyataan bertulis terdapat perkataan berikut "setelah meneliti keterangan-keterangan yang terdapat dalam kes ini". Hasil daripada perkataan-perkataan ini, Majistret berpendapat bahawa keterangan telah pun diperolehi maka reman tidak diperlukan lagi. Majistret juga berpendapat penggunaan perkataan keterangan oleh pemohon menimbulkan keraguan di pihak mahkamah untuk meninjau tujuan reman dipohon oleh pemohon;

(ii) Majistret juga berpendapat perkataan "ada alasan-alasan bagi mempercayai bahawa nama orang itu patut dimasukkan ke dalam buku daftar" tidak berupaya untuk membolehkan Majistret menilai nexus di antara responden dengan permohonan reman; dan

(iii) Majistret berpendapat bahawa dengan merujuk kepada s. 4(3) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ianya menjelaskan "kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam sub-s. 9(5) peruntukan s. 28A Kanun Tatacara Jenayah" hendaklah terpakai kepada mana-mana orang yang direman di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Peruntukan Undang-Undang

[9] Peruntukan undang-undang yang terpakai di bawah permohonan semakan jenayah ini adalah di bawah "Part 1 Powers of Arrest and Remand", Procedure before Magistrate.

4(1) Whenever any person is taken before a Magistrate under subsection 3(2) the Magistrate shall:

(a) On production of a statement in writing signed by a police officer not below the rank of Inspector stating that there are grounds for believing that the name of that person should be entered on the Register, remand the person in police custody for a period of twenty-one days; or

(b) If no such statement is produced, and there are no other grounds on which the person is lawfully detained, direct his release.

(2) Any person remanded under paragraph (1)(a) shall, unless sooner released, on or before the expiry of the period for which he is remanded be taken before a Magistrate, who shall:

(a) on production of:

(i) a statement in writing signed by the Public Prosecutor stating that in his opinion sufficient evidence exists to justify the holding of an inquiry under section 9; and

(ii) a statement in writing signed by a police officer not below the rank of Assistant Superintendent stating that it is intended to hold an inquiry into the case of that person under section 9;

order the person to be remanded in custody for a period of thirty-eight days; or

(b) If no such statement is produced, and there are no other grounds on which the person is lawfully detained, direct his release.

(2A) No person shall be arrested and detained under this section solely for his political belief or political activity.

(3) Except as provided in subsection 9(5), section 28A of the Criminal Procedure Code shall apply to any person remanded under section 4.

(4) The Public Prosecutor may appear in any application made under this section.

[10] Seksyen ini jelas memperuntukkan bahawa apabila seseorang ditangkap dan dikemukakan di hadapan Majistret, di bawah s. 3(2) Akta yang sama, Majistret hendaklah setelah dikemukakan dengan pernyataan secara bertulis oleh seseorang pegawai polis berpangkat Inspektor ke atas menyatakan adanya alasan-alasan bagi mempercayai bahawa penama di atas melakukan kesalahan kategori yang boleh didaftarkan sepertimana dalam Bahagian 1, Jadual Pertama Akta Pencegahan Jenayah 1959 hendaklah mengeluarkan perintah reman. Antara perkataan-perkataan yang penting dalam seksyen ini ialah "adanya alasan-alasan bagi mempercayai bahawa penama di atas melakukan kesalahan kategori yang boleh didaftarkan".

Hujahan Pemohon

[11] P4 yang dikemukakan oleh pihak pemohon adalah selari dengan peruntukan undang-undang di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959. Peruntukan di bawah seksyen ini adalah jelas dan tidak mengelirukan dan harus diberikan tafsiran yang literal.

[12] Peruntukan di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 adalah sama sekali berbeza dengan peruntukan di bawah s. 117(1) Kanun Tatacara Jenayah di mana s. 117(1) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan perlunya mengetahui alasan-alasan yang mempercayai bahawa terdapatnya maklumat-maklumat yang perlu dilakukan penyiasatan. Majistret juga berhak di bawah peruntukan ini untuk mendapatkan alasan tambahan berkenaan permohonan pihak polis bagi tahanan reman.

[13] Kewajipan pihak polis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 4(3) Akta Pencegahan Jenayah 1959 telah pun dipohon di mana pihak polis telah pun memberitahu alasan-alasan penangkapan ke atas keempat-empat responden.

Hujahan Responden

[14] Semakan kehakiman terhadap keputusan Majistret untuk tidak mengeluarkan perintah reman terhadap responden perlu dilakukan secara adil dan tidak sewenang-wenangnya kerana alasan-alasan yang diberikan oleh Majistret untuk berbuat demikian adalah berasaskan peruntukan undang-undang yang tepat.

[15] Prosedur reman di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 adalah sama dengan prosedur reman di bawah s. 117 Kanun Tatacara Jenayah di mana alasan-alasan untuk reman responden-responden perlulah dinyatakan dengan jelas kepada Majistret untuk Majistret memberikan pertimbangan yang sewajarnya di atas permohonan reman tersebut.

Dapatan Dan Keputusan Mahkamah

[16] Isu berkaitan perkataan "setelah meneliti keterangan-keterangan yang terdapat di dalam kes ini":

> Majistret di dalam alasan penghakimannya menyatakan penggunaan perkataan keterangan telah menimbulkan keraguan kepada pihak Mahkamah di dalam meninjau tujuan remand dan ini tidak dijelaskan. Justeru, adalah penggunaan perkataan "keterangan" itu suatu yang penting dan merupakan syarat yang ditetapkan oleh seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959?
>
> Berdasarkan kepada seksyen 4(1)(a) APJ 1959 terdapat tiga (3) syarat yang digariskan oleh sesyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 iaitu:
>
> (a) pengemukaan pernyataan bertulis;
>
> (b) pernyataan bertulis tersebut di tandatangani oleh pegawai polis yang tidak rendah daripada seorang Inspektor;
>
> (c) pernyataan bertulis tersebut menyatakan bahawa ada alasan-alasan bagi mempercayai bahawa nama orang itu perlu dimasukkan ke dalam Daftar.

[17] Sehubungan dengan itu, di dalam menimbangkan permohonan di bawah s. 4(1)(a) APJ 1959, mahkamah perlu meneliti sama ada sesuatu pernyataan yang dikemukakan telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

[18] Saya berpendapat bahawa perkataan "keterangan" yang terdapat di dalam penyataan bertulis tersebut tidak menjejaskan sesuatu permohonan reman selagi mana pernyataan bertulis tersebut mematuhi syarat-syarat nyata yang diperuntukkan dengan jelas di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959. Tindakan Majistret yang mempertikaikan perkataan "keterangan" itu telah terkeluar daripada skop tugas seorang Majistret kerana fungsi mahkamah hanyalah perlu meneliti perkataan yang digunakan di dalam sesuatu Akta yang diluluskan oleh Parlimen. Penelitian terhadap pernyataan bertulis jelas menunjukkan kehendak peruntukan s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 telah dipatuhi.

[19] Isu berkaitan adanya alasan-alasan bagi mempercayai:

Majistret telah menyatakan bahawa alasan-alasan tidak dinyatakan dan pada hemat Puan Majistret alasan-alasan tersebut perlu dinyatakan di dalam pernyataan bertulis.

Puan Majistret telah merujuk kepada kes *Thein Hong Teck & Ors v. Mohd Afrizan Husain & Another Appeal* [2012] 1 CLJ 49; [2012] 2 MLJ 299 dan menyimpulkan *ratio* di dalam kes Mahkamah Persekutuan itu berbeza dan kurang sesuai untuk diaplikasikan di dalam kes dihadapi oleh beliau.

[20] Saya berpendapat Majistret telah terkhilaf di dalam meneliti prinsip yang digariskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Thein Hong Teck*.

[21] Prinsip-prinsip yang digariskan dalam kes ini ialah berhubung fungsi mahkamah di dalam membuat sesuatu penafsiran peruntukan undang-undang sepertimana yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan di ms. 60-61 (CLJ); ms. 308-309 (MLJ).

> We are of the view that s. 314(1) of the Act is clear and unambiguous. As such it must be given its literal interpretation. Under the circumstances it is not the function of the court to re-write the statute in a way in which it considers reasonable. In other words, the High Court was not entitled to read words into that provision. Where the words of the statute are plain and unambiguous, the court ought to give effect to its plain meaning (see *Duport Steel Ltd v. Sirs* [1980] 1 WLR 142; *MBF Holdings Bhd v. Emtex Corp Bhd* [1986] 1 MLJ 477). In *Vickers, Sons and Maxim, Ltd v Evans* [1910] AC 444, which was referred to by the Court of Appeal in *United Overseas Bank (M) Sdn. Bhd v. UJA Sdn. Bhd & Another Appeal* [2010] 6 CLJ 204 at p 208, Lord Loreburn LC said:
>
> > My Lords, this appeal may serve to remind us of a truth sometimes forgotten, that this house sitting judicially does not sit for the purpose of hearing appeals against Acts of Parliament, or of providing by judicial construction what ought to be in an Act, but simply of construing what the Act says. We are considering here not what the Act ought to have said, but what it does say. The appellants' contention involves reading words into this clause. The clause does not contain them; and we are not entitled to read words into an Acts of Parliament unless clear reason for it is to be found within the four corners of the Act itself.

[22] Justeru peruntukan s. 4(1)(a) juga merupakan suatu yang "plain and unambiguous" di mana tidak diperuntukkan bahawa alasan-alasan perlu dimasukkan dan dinyatakan dengan terperinci seperti yang difahami oleh Majistret. Ianya memadai dinyatakan "ada alasan-alasan bagi mempercayai bahawa nama orang itu patut dimasukkan ke dalam Daftar".

[23] Isu berkaitan pemakaian s. 28A Kanun Tatacara Jenayah dibaca bersama dengan s. 4 Akta Pencegahan Jenayah 1959. Majistret telah merujuk s. 28A Kanun Tatacara Jenayah dan s. 4(3) Akta Pencegahan Jenayah 1959 iaitu berhubung dengan kewajipan pegawai yang menangkap untuk memaklumkan alasan-alasan penangkapan ini dinyatakan di dalam s. 4(3) Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[24] Walau bagaimanapun sebab penangkapan yang perlu diberitahu kepada seseorang suspek di bawah s. 4(3) Akta Pencegahan Jenayah 1959 telah pun dipatuhi seperti di dalam repot. Alasan penangkapan di bawah s. 4(3) adalah berbeza dengan permohonan reman di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang mana permohonan reman ini tidak dikehendaki untuk menyatakan alasan-alasan yang terperinci tetapi memadai dengan menyatakan "ada alasan-alasan bagi mempercayai" seperti yang telah dihuraikan terdahulu.

[25] Majistret juga telah merujuk peruntukan s. 117 Kanun Tatacara Jenayah dan menyatakan s. 117 adalah terpakai untuk s. 4 Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[26] Perlu saya tegaskan bahawa peruntukan di bawah s. 4(1)(a) APJ ini adalah sama sekali berbeza dengan peruntukan di bawah s. 117(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Seksyen 117 KTJ memperuntukkan sedemikian:

> (1) Whenever any person is arrested and detained in custody and it appears that the investigation cannot be completed within the period of twenty-four hours fixed by section 28 and there are grounds for believing that the accusation or information is well founded the police officer making the investigation shall immediately transmit to a Magistrate a copy of the entries in the diary hereinafter prescribed relating to the case and shall at the same time produce the accused before the Magistrate.

[27] Peruntukan di bawah s. 117 KTJ memperuntukkan perlunya menyatakan alasan-alasan yang mempercayai bahawa terdapatnya maklumat-maklumat yang perlu dilakukan penyiasatan Majistret juga berhak di bawah peruntukan ini mendapatkan alasan tambahan berkenaan permohonan pihak polis bagi tahanan reman.

[28] Tambahan lagi peruntukan di bawah s. 117 KTJ tidak terpakai di dalam keadaan di mana terdapatnya Akta yang khusus. Pesuruhjaya Kehakiman Abu Bakar Katar di dalam kes *Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain* [2015] 5 CLJ 223 telah menyatakan sedemikian:

> [29] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu terdapat peruntukan khusus berkaitan reman melibatkan Akta itu iaitu s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta itu. Mahkamah ini sependapat dengan pendirian PKP yang terpelajar iaitu peruntukan s. 117 KPJ yang dirujuk oleh peguam PKP yang terpelajar iaitu peruntukan s. 117 KJ yang dirujuk oleh peguam pemohon yang terpelajar ianya peruntukan yang am dan ianya tidak terpakai memandangkan telah ada peruntukan yang khusus. Mahkamah ini bersetuju dalam keadaan sebegini doktrin *generalia specialibus* non derogant terpakai. Mahkamah ini merujuk undang-undang bertulis yang lainnya di mana memperuntukkan kuasa reman secara khusus.

[29] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *PP v. Chew Siew Luan* [1982] CLJ 354; [1982] CLJ (Rep) 285; turut membincangkan berkenaan kedudukan Akta khusus seperti berikut:

> The Dangerous Drugs Act 1952 (Revised - 1980) is an Act specifically designed to regulate the importation, exportation, manufacture, sale and use of *inter alia*, dangerous drugs, and "to make special provisions relating to the jurisdiction of Courts in respect of offences thereunder and their trial, and for purposes connected therewith". In other words, the Act is in substance a special law passed by Parliament in derogation of the rights of a person concerning the granting of bail in an otherwise ordinary case. We further note in particular that a 41B of the Act is an entirely new section introduced by the Dangerous Drugs (Amendment) Act 1978 (Act A426) and became operative on 10 March 1978. *Generalibus specialis derogant* is a cardinal principle of interpretation. It means that where a special provision is made in a special statute, that special provision excludes the operation of a general provision in the general law. (See also *PP v Chu Beow Hin* [1982] LJ (Rep) 288 at p. 291). The provisions of s. 3 of the Criminal Procedure Code which counsel for the respondent seeks to rely on has no relevance whatsoever to the matter in issue before us.

[30] Sehubungan dengan itu, tindakan Majistret yang berpegang dan bersandarkan kepada s. 117 Kanun Tatacara Jenayah adalah bercanggah dengan kehendak undang-undang s. 4(1)(a) jelas menunjukkan Majistret tidak mempunyai hak dari segi undang-undang untuk mempertimbangkan sama ada terdapat kewajaran alasan penahanan dikemukakan kepada beliau.

[31] Di dalam permohonan reman di bawah s. 4 Akta Pencegahan Jenayah, terdapat dua prosiding yang berbeza iaitu:

(a) Permohonan reman di hadapan Majistret; dan

(b) Pemakluman oleh pegawai polis berhubung dengan sebab-sebab tangkapan terhadap seseorang yang ditangkap.

[32] Berdasarkan peruntukan s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah (APJ) 1959 tidak menghendaki Majistret diterangkan sebab-sebab penangkapan dan tidak ada sebarang peruntukan yang membolehkan Majistret untuk bertindak sedemikian.

[33] Sepertimana yang dinyatakan terdahulu, pernyataan bertulis di bawah s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah juga tidak perlu menyatakan atau memasukkan alasan-alasan yang terperinci.

Perlu ditegaskan di sini bahawa pindaan terkini terhadap Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang berkuat kuasa pada 1 September 2015 di antaranya adalah terhadap "Preamble" dengan memasukkan perkataan berikut.

> Now THEREFORE, pursuant to Act 149 of this Federal Constitution, it is ENACTED by Parliament of Malaysia as follows:

A **[34]** Sehubungan dengan itu nas-nas undang-undang berkaitan tahanan untuk pencegahan adalah terpakai dan saya membuat rujukan kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Kam Teck Soon v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors And Other Appeals* [2003] 1 CLJ 225 di ms. 248 menyatakan seperti berikut:

B

> Furthermore, section 3(1) only requires arresting officer to have "reason to believe that there are grounds ..." It does not require the ground to be informed to the arrested person.

[35] Selanjutnya keputusan Mahkamah Persekutuan ini diikuti oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Borhan Hj Daud & Ors v. Abd Malek Hussin* C [2010] 8 CLJ 656 di ms. 671.

[36] Selain itu, Mahkamah Rayuan juga telah membalas isu sama ada perlu menyatakan alasan-alasan dengan terperinci atau memadai menyatakan "reason to believe" sepertimana di para. 30 dan para. 31 di ms. 670.

D

> Thus it is our view that the 1st appellant is not required to inform the respondent the grounds of his arrest in detail. It is absolutely legitimate for the 1st appellant to state he has "reason to believe" that there are grounds to justify the respondent's detention under s. 73(1) of the ISA. There is also no requirement for the 1st appellant to satisfy the court with sufficient particulars and material evidence of the respondent's activities E to justify the arrest and detention of the respondent under s. 73(1) of the ISA. Based on the facts of this case, it is our view that the respondent was informed of the grounds of his arrest. What the 1st appellant informed the respondent was sufficient particulars and thus did not make the arrest and detention of the respondent unlawful.

F **[37]** Berdasarkan kepada nas-nas yang telah dirujuk, jelas bahawa s. 4(1)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 tidak menghendaki alasan-alasan lengkap ataupun keterangan-keterangan dimasukkan ke dalam pernyataan bertulis tersebut.

Kesimpulan

G

[38] Berdasarkan kepada dapatan-dapatan saya ini maka permohonan semakan jenayah ini dibenarkan dan keengganan Majistret untuk mengeluarkan reman di bawah s. 4(1)(a) adalah tidak mengikut prinsip undang-undang yang betul terhadap responden-responden.

H

I